

TARIKH	ISNIN, 1 APRIL 2024
AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK ARTIKEL	KESUMA PERKASAKAN PERLINDUNGAN KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA, NEGARA
M/S	8
BIDANG	MANAGEMENT
KATA KUNCI	MANAGEMENT

KESUMA perkasakan perlindungan keselamatan sosial pekerja, negara

Tiga peringkat penambahbaikan pastikan kebajikan lebih baik, terjamin

Pada hujung Disember tahun lalu, saya telah melawat ibu bapa seorang mangsa kemalangan maut di tempat kerja. Mendiang berumur 28 tahun menjadi tempat sandaran ibu bapa yang sudah tua.

Bagi pihak Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), saya telah menyerahkan sumbangan manfaat kepada keluarga mendiang sebanyak RM2,000 secara one-off sebagai Faedah Pengurusan Mayat dan RM702 setiap bulan sebagai bayaran Faedah Orang Tanggungan.

Kedua ibu bapa mangsa akan menerima faedah bulanan ini sehingga hujung hayat mereka. Inilah sumbangan terakhir anak membalas jasa ibu ayah walaupun sudah tiada.

Pada Januari tahun ini pula, saya melawat bekas kerani di sebuah syarikat agensi pekerjaan. Akibat derita penyakit lumpuh seluruh anggota, beliau tiada daya berdiri, duduk dan bercakap, sekadar tersandar di atas sofa.

Sekali lagi saya mewakili PERKESO, menyampaikan faedah bulanan sebanyak RM1550 kepada keluarga berkenaan.

Misi strategik KESUMA

Dalam melaksanakan misi strategik 3K iaitu Kebajikan, Kemahiran dan Keberhasilan pekerja, Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) meletakkan aspek perlindungan keselamatan sosial pekerja sebagai komponen penting.

Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) mendukung keselamatan sosial sebagai hak asasi manusia yang memberi perlindungan terhadap risiko kehidupan.

Sistem keselamatan sosial bukan sahaja pelaburan dalam kebajikan pekerja, tetapi turut menyumbang peningkatan keberhasilan dan kemajuan ekonomi.

Strategi menambah baik perlindungan keselamatan sosial pekerja di bawah PERKESO terbahagi kepada tiga peringkat.

Pelan jangka pendek: Menambah baik dasar PERKESO sedia ada.

Pada Februari 2024, PERKESO telah melancarkan aplikasi telefon pintar, Prihatin sebagai pejabat ke-55 PERKESO.

Pelancaran pejabat maya ini diharapkan memberikan perkhidmatan lebih baik kepada pencarum



PERKESO terus optimis melaksanakan bagi menjamin kebajikan pencarum.

dan kumpulan pekerja. Melalui aplikasi Prihatin dan juga laman web PERKESO, kini pencarum boleh menyemak status caruman dan memuat turun penyata caruman mereka.

Peralihan daripada pendekatan konvensional kepada berteknologi ini juga membolehkan pendaftaran skim PERKESO secara di hujung jari, selain akses kepada perkhidmatan Sahabat PERKESO Prihatin, maklumat am PERKESO dan pengiraan faedah.

Malah, tekad kerajaan MADANI dalam Belanjanan 2024 untuk menaikkan had gaji caruman daripada RM5,000 sebulan kepada RM6,000 giat dilaksanakan.

Bacaan pertama pindaan akta bagi melaksanakan perkara ini telah dibuat ketika sidang Dewan Rakyat pada 26 Mac 2024.

Penambahbaikan ini akan memberi manfaat kepada 1.45 juta pekerja di mana faedah perlindungan mereka akan meningkat sebanyak 20.2 peratus.

Contohnya, seorang pekerja yang bergaji RM6,000 yang hilang kerja boleh menerima faedah gantikan pendapatan berjumlah RM16,065 berbanding RM13,365 sebelum pindaan akta.

Faedah Pengurusan Mayat juga dinaikkan daripada RM2,000 kepada RM3,000. Begitu juga had umur untuk Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah (SKSSR) juga akan dinaikkan daripada 55 tahun kepada 60 tahun.

Ja bagi memperluaskan perlindungan kepada tambahan 720,000 suri rumah di seluruh negara. Pindaan akta yang berkaitan akan dilaksanakan pada tahun ini.

Pelan jangka sederhana: Merencanakan kempen promosi skim keselamatan sosial PERKESO kepada pekerja sektor gig dan ekonomi ihsan.

Pertama Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan peruntukan RM100 juta dalam Belanjanan 2024 sebagai subsidi caruman Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS)

PERKESO kepada pekerja sektor gig dan bekerja sendiri.

Melalui subsidi tersebut, pekerja dalam sektor ini hanya perlu membayar RM23.30 setahun untuk caruman pelan kedua SKSPS, berbanding jumlah asal RM232.80 setahun. Bakinya akan dibiayai oleh kerajaan. Dengan hanya RM23.30 setahun ataupun 6 sen sehari, pencarum boleh menikmati lapan jenis faedah termasuk Faedah Perubahan, Faedah Hilang Upaya Sementara, Faedah Orang Tanggungan dan sebagainya.

Pada pertengahan Mac 2024, Kementerian Pengangkutan dengan kerjasama KESUMA telah memberikan perlindungan SKSPS secara percuma 100 peratus kepada 50,000 pemandu teksi dan bas sekolah di seluruh Malaysia.

Sasaran KESUMA ialah untuk mencapai minimum 1,000,000 pencarum SKSPS pada tahun ini. Selain pekerja sektor gig, pekerja sektor ekonomi ihsan menjadi fokus KESUMA pada tahun ini.

Golongan ibu yang menjaga keluarga di rumah dianggap mulia namun tidak ramai yang melihat kerja mereka sebagai suatu bentuk aktiviti yang membina ekonomi negara.

Mereka ini terpaksa melepaskan peluang kerjaya, bekerja siang malam menjaga ahli keluarga.

Beri perlindungan terbahagi

Selaras dengan konsep MADANI, KESUMA ingin sekurang-kurangnya memberikan perlindungan keselamatan sosial kepada pekerja sektor ekonomi ihsan ini, yang kebanyakannya adalah suri rumah.

Kami bermula dalam 'rumah sendiri'. Sempena sambutan Hari Wanita Sedunia pada Mac 2024, KESUMA telah memberikan perlindungan SKSSR PERKESO secara percuma kepada 12,500 warga KESUMA - kakitangan lelaki boleh melaungkan isteri mereka.

KESUMA juga telah menganjurkan kerjasama strategik bersama Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat untuk memberikan pengecualian cukai Seksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967 kepada pihak yang menyumbang tajaan SKSSR kepada wanita dari kalangan kumpulan B40.

Pada Mac 2024, 10 syarikat tempatan menjadi perintis program ini dengan menaja RM558,360 bagi memberikan perlindungan SKSSR kepada 4653 wanita.

Sasaran KESUMA ialah untuk mencapai sekurang-kurangnya 500,000 suri rumah tahun ini, berbanding 200,000 pada tahun lalu.

Pelan jangka panjang: Melaksanakan sistem perlindungan keselamatan sosial negara lebih menyeluruh.

Strategi peringkat ketiga ini mempunyai dua komponen. Paling utama ialah rancangan untuk memberi perlindungan keselamatan sosial 24 jam kepada pekerja, waima apabila bencana berlaku di luar waktu serta kop kerja sehingga mengundang keilatan dan menjejaskan daya upaya tulang belakang keluarga untuk menyara kehidupan seisi tanggungan.

Perlindungan keselamatan sosial 24 jam ini mampu memastikan kelangsungan hidup yang lebih baik jika berlakunya musibah terhadap seseorang pekerja sekali gus melengkap sistem perkhidmatan kebajikan dan sistem perkhidmatan kesihatan sedia ada.

Contohnya, dengan perlindungan keselamatan sosial 24 jam ini, seorang pekerja yang hilang upaya bekerja secara kekal boleh diberi faedah bulanan sehingga 90 peratus gaji bulanan mereka.

Jika berlaku kematian, orang tanggungan mereka boleh menerima faedah bulanan tersebut. Ini sudah tentu meringankan beban kewangan keluarga sebagai sekali gus meringankan kos berkaitan kebajikan dan kesihatan yang mungkin perlu dibiayai pembayar cukai jika mangsa tidak dilindungi skim seperti ini.

Unjuran awal menunjukkan manfaat di atas boleh dimikniti dengan kenaikan caruman serendah RM11 sebulan (untuk tangga gaji paling minimum, iaitu RM1,500 sebulan). Namun, cabaran untuk pelaksanaan perlindungan keselamatan sosial 24 jam jelas: siapa yang akan membayar caruman tambahan tersebut setiap bulan?

Komponen kedua ialah untuk memberikan khidmat pemulihan sebagai perlindungan keselamatan sosial lebih menyeluruh.

Dalam tempoh 10 tahun ini, PERKESO mengoperasikan sebuah pusat rehabilitasi berteknologi tinggi di Melaka. Seramai

13,680 pesakit telah menjalani rawatan rehabilitasi di Pusat Rehabilitasi PERKESO sejak 2014. Pada 2023, daripada 2,521 pesakit yang menjalani rawatan rehabilitasi, 676 telah berjaya kembali ke alam pekerjaan.

Pada penghujung tahun ini, sebuah pusat rehabilitasi PERKESO akan siap dibina di Perak, manakala sebuah lagi akan dibina di Terengganu. Aspirasi KESUMA adalah untuk membina tiga lagi pusat rehabilitasi PERKESO dalam tempoh lima tahun akan datang, termasuk di Sarawak.

Selain itu, bagi memberikan perkhidmatan lebih menyeluruh dan mengurangkan kos operasi, PERKESO akan menubuhkan sekurang-kurangnya sebuah pusat dialisis di setiap negeri dalam tempoh tiga tahun ini.

Antara 2020 sehingga 2023, PERKESO terpaksa membelanjakan sebanyak RM300 juta sehingga RM350 juta setahun untuk membiayai perkhidmatan dialisis kepada penerima faedah.

Pada masa kini, PERKESO telah membangunkan empat pusat dialisis iaitu di Cawangan Klang dan Shah Alam di Selangor serta Cawangan Batu Pahat dan Cawangan Kluang di Johor. Pusat dialisis PERKESO akan memberi penjimatan sebanyak 15 peratus bagi setiap kos rawatan dialisis berbanding kos rawatan dialisis kaedah asal dalam melantik panel pusat dialisis swasta.

Kesimpulannya, KESUMA beriltizam untuk memperkasakan sistem perlindungan keselamatan sosial pekerja melalui satu pendekatan strategik dan sistematik. Sudah tentu ada cabaran yang bakal dihadapi tetapi ia sebahagian daripada proses pembaharuan ini yang mungkin akan mengambil masa.

Namun, mengamati sentimen semasa dalam ruang lingkup sedia ada, wujud keperluan mendesak ke arah perubahan minda bahawa perlindungan sosial bukan tambahan beban kewangan dalam kalangan majikan mahupun pekerja, sebaliknya pelaburan jangka panjang yang menjamin aspek keberhasilan dan kelangsungan hidup tenaga kerja negara.

Menggalas amanah sebagai menteri KESUMA, saya bersyukur kerana 100 hari pertama di Kementerian sarat dengan pelbagai rancangan pembaharuan dasar perlindungan keselamatan sosial.

KESUMA akan 'Jalan Teruih' kerana ini hanya lebaran pertama perjuangannya yang masih panjang.

Steven Sim Chee Keong
Menteri Sumber Manusia

DISEDIAKAN
OLEH

PN NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM